



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENILAIAN KEUPAYAAN MODEL KIRKPATRICK UNTUK PENCERITAAN DIGITAL

MOHD FAISAL BIN AB SALAM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENILAIAN KEUPAYAAN MODEL KIRKPATRICK UNTUK PENCERITAAN DIGITAL

MOHD FAISAL BIN AB SALAM

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MULTIMEDIA)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI SENI KOMPUTERAN DAN INDRUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 10 (hari bulan) Jun (bulan) 20 21.

i. Perakuan pelajar :

Saya, **MOHD FAISAL BIN AB SALAM , M20142002108, FSKIK** dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk **PENILAIAN KEUPAYAAN MODEL KIRKPATRICK UNTUK PENCERITAAN DIGITAL** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PM DR HJH NOR AZAH BT ABDUL AZIZ** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PENILAIAN KEUPAYAAN MODEL KIRKPATRICK UNTUK PENCERITAAN DIGITAL** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi "[sebahagian=>mod B & C/sepenuhnya=> mod A]" syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENDIDIKAN (MULTIMEDIA)**.

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS
PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

No.Matrik / Matric's No.:

Saya / I:

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori TIDAK TERHAD.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Disertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori dibawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT / CONFIDENTIAL

☐

TERHAD / RESTRICTED

☐

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

Tarikh

Tandatangan Penyalia





PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan hidayahNya, saya telah berjaya menyelesaikan penulisan tesis ini. Selawat dan salam juga buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada penyelia iaitu Profesor Madya Dr. Hjh. Nor Azah Bt Abdul Aziz di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar, kritikan dan kesabaran dalam memberi semangat tanpa jemu kepada saya sepanjang proses penyempurnaan kajian ini. Terima kasih tak terhingga atas segala ilmu dan panduan yang dicurahkan Penghargaan ini juga turut dipanjangkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertindak sebagai penaja sehingga membolehkan saya melanjutkan pengajian hingga ke peringkat ini. Juga tidak dilupakan para pakar samada pensyarah di Universiti Pendidikan Sultan Idris, pakar-pakar di sekolah dan semua yang turut sama menyumbangkan input dan maklumat bagi membangunkan kajian ini.

Sekalung penghargaan penuh kasih sayang yang tiada titik noktahnya ditujukan kepada kedua-dua ayahanda dan bonda serta mertua tersayang yang sentiasa mendoakan saya dan mengambil berat tentang pengajian saya. Kepada insan teristimewa, isteri tersayang, Hezelin Elayana Bt Shaian. Ungkapan dan bingkisan penghargaan dan terima kasih juga abang ucapkan.. *Dikau terlalu banyak memahami perasaan dan hati seorang suami yang berjuang di medan ilmu. Terima kasih isteriku kerana sentiasa setia menyokong dan memberi semangat tanpa jemu...Anak-anak, Nur Juita Batrisyia, Nur Insyirah Batrisyia, Nur Aulia Zara Batrisyia, dan Nur Aisy Firzanah yang menjadi sumber motivasi untuk Abah terus berjuang hingga ke penamat. Terima kasih kerana menghiburkan hati Abah ketika Abah sedang berada dalam keadaan sukar. Ingatlah pesanan Abah.. hidup di dunia ini hanya sekali dan sementara.. maka pastikan ia bermakna.. Jadilah insan yang budiman, berakhlak mulia, soleh dan solehah...*Juga dipanjangkan kepada kesemua adik beradik Shahrul Izat, Shahrul Izar, Shahrul Izwan dan Mohd Fadli. *Kalian semua banyak menitipkan doa dan semangat sepanjang saya mengharungi perjalanan pengajian ini. Moga kita dan seluruh ahli keluarga kita sentiasa bersatu dan menjadi hamba yang soleh dan aset kepada agama, ibu bapa, bangsa dan negara.*

Akhir sekali, penghargaan juga disampaikan kepada seluruh warga Universiti Pendidikan Sultan Idris , terutama para pensyarah dan sahabat- sahabat sepengajian yang terlibat secara langsung mahupun sebaliknya dalam memberi idea dan kritikan yang bernas. Semoga segala usaha dan penat lelah di sepanjang ranjau penyelidikan ini dalam usaha untuk menuntut secebis ilmu, dikurniakan keberkatan oleh Allah S.W.T. Amin Ya Rabbalalamin.



ABSTRAK

Kajian ini dilakukan apabila tiadanya satu instrumen yang khas untuk mengesahkan serta menguji kebolehpercayaan item bagi penceritaan digital terutamanya bagi subjek Bahasa Inggeris. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap reaksi dan pembelajaran guru Bahasa Inggeris terhadap Instrumen Penilaian Penceritaan Digital (IPPD) yang dibangunkan menggunakan pendekatan Model Penilaian Kirkpatrick untuk menilai kualiti kandungan bahan penceritaan digital bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Kajian ini telah dijalankan terhadap 180 orang guru Bahasa Inggeris yang mengajar di daerah Kuantan. Data yang diperolehi melalui instrumen penilaian dianalisis menggunakan analisis deskriptif. Dapatan kajian reaksi guru pakar terhadap IPPD adalah positif apabila nilai pekali Alpha Cronbach untuk kajian ini ialah 0.95 yang menunjukkan pemboleh ubah menyediakan ukuran dalaman secara konsisten. Sementara itu, nilai skor min yang diperolehi bagi tahap pembelajaran guru pakar Bahasa Inggeris adalah 3.79 ($sp=0.89$), menunjukkan guru pakar dapat mempelajari instrumen IPPD secara menyeluruh menggunakan pendekatan Model Penilaian Kirkpatrick. Hasil dapatan ini disyorkan untuk membantu pihak yang berkepentingan dalam melaksanakan penambahbaikan dalam aspek pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Inggeris selaras dengan Standard 4 di dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2).

KIRKPATRICK MODEL CAPABILITY ASSESSMENT FOR DIGITAL STORYTELLING

ABSTRACT

This study was conducted when there was no special instrument to validate as well as test the reliability of items for digital storytelling, especially for English Language. The objective of this study was to identify the level of reaction and learning of English teachers to the Digital Storytelling Assessment Instrument (IPPD) developed using the Kirkpatrick Assessment Model approach to assess the content quality of digital storytelling materials for English subjects. This study was conducted on 180 English teachers who teach in Kuantan district. Data obtained through evaluation instruments were analyzed using descriptive analysis. The findings of the study of expert teachers' reaction to IPPD were positive when the value of Cronbach's Alpha coefficient for this study was 0.95 which indicates that the variable provides internal consistency measurements. Meanwhile, the mean score value obtained for the level of learning of English expert teachers is 3.79 ($sp = 0.89$), indicating that expert teachers can learn the IPPD instrument comprehensively using the Kirkpatrick Assessment Model approach. These findings are recommended to assist stakeholders in implementing improvements in the aspects of learning and facilitation of English Language under Standard 4 in the 'Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2' (SKPMg2).

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	6
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Objektif Kajian	12
1.5	Persoalan Kajian	13
1.6	Kepentingan Kajian	13
1.7	Batasan Kajian	15
1.8	Kerangka Teori dan Konseptual Kajian	16
1.9	Definisi Istilah dan Operasional	19
1.9.1	Penilaian	19
1.9.2	Penceritaan Digital	19

1.9.3	Tahap Reaksi	20
1.9.4	Tahap Pembelajaran	20
1.9.5	Instrumen Penilaian Penceritaan Digital	21
1.9.6	Pembelajaran Bahasa Inggeris	21
1.9.7	Guru Pakar	22
1.10	Rumusan	22

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Penceritaan Digital	24
2.3	Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia	25
2.4	Model Penilaian	26
2.5	Model Penilaian Kirkpatrick	30
2.5.1	Pembacaan dan kefahaman Bahasa Inggeris	34
2.6	Rumusan	36

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	38
3.2	Reka Bentuk Kajian	39
3.2.1	Kesahan Instrumen IPPD	40
3.2.2	Pemilihan Pakar	41
3.2.3	Kajian Fasa Empat: Pelaksanaan Kajian Rintis	42
3.3	Populasi dan Persempelan	44
3.4	Alat Kajian	46
3.4.1	Bahagian A: Biodata Diri	46
3.4.2	Bahagian B: Soal Selidik	46
3.5	Sistem Pemarkatan	47

3.6	Analisis Data Kajian	47
3.7	Rumusan	48

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	49
4.2	Profil Responden Kajian	50
4.3	Analisis Dapatan Kajian	52
4.3.1	Tahap Reaksi Guru Pakar Bahasa Inggeris Tentang Instrumen IPPD Menggunakan Pendekatan Model Penilaian Kirkpatrick	52
4.3.2	Tahap Pembelajaran Guru Pakar Bahasa Inggeris Tentang Instrumen IPPD Menggunakan Pendekatan Model Penilaian Kirkpatrick	56
4.4	Analisis Secara Kebolehpercayaan	60
4.5	Kesimpulan	62

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	63
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	63
5.3	Perbincangan Berdasarkan Keputusan Analisis	64
5.3.1	Tahap Reaksi Guru Pakar Bahasa Inggeris Tentang Instrumen IPPD Menggunakan Pendekatan Model Penilaian Kirkpatrick	64
5.3.2	Tahap Pembelajaran Guru Pakar Bahasa Inggeris Tentang Instrumen IPPD Menggunakan Pendekatan Model Penilaian Kirkpatrick	65
5.3.3	Analisis Secara Kebolehpercayaan.	65
5.4	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	66
5.5	Kesimpulan	67
5.6	Penutup	68

RUJUKAN	69
LAMPIRAN	74

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Kelebihan dan Kekurangan Setiap Model	27
3.1	Senarai Pakar Profesional yang Dipilih Untuk Menilai Video Penceritaan Digital	42
3.2	Senarai Pakar Profesional yang Dipilih Untuk Menilai Item	42
3.3	Analisis Secara Kebolehpercayaan Kajian Rintis	43
3.4	Interpretasi Skor Min	48
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	50
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	51
4.3	Taburan Responden Mengikut Etnik	51
4.4	Tahap Reaksi Guru Pakar Bahasa Inggeris Tentang Instrumen IPPD Menggunakan Pendekatan Model Penilaian Kirkpatrick	53
4.5	Tahap Pembelajaran Guru Pakar Bahasa Inggeris Tentang Instrumen IPPD Menggunakan Pendekatan Model Penilaian Kirkpatrick	56
4.6	Analisis Secara Kebolehpercayaan	60



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1. Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer (Mayer, 2001)	17
1.2 Kerangka Teori Kajian bagi Pembangunan Instrumen Penilaian Penceritaan Digital IPPD	18
2.1 Model Penilaian Kirkpatrick	32
2.2 Model Penilaian Kirkpatrick yang diubahsuai	33

SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
DST	<i>Digital Storytelling</i>
ICT	<i>Information and Communications Technology</i>
IPPD	Instrumen Penilaian Penceritaan Digital
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LCD	<i>Liquid Crystal Display</i>
MBMMBI	Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasakan Bahasa Inggeris
MOE	Minister of Education
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pengajaran dan Pemudah Cara
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SKPMg2	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2

SENARAI LAMPIRAN

Surat Pengesahan Pelajar Membuat Penyelidikan

- A Pengesahan Instrumen Kajian Oleh Pakar
- B Data Analisis Di Peringkat Kajian Rintis
- C Data Analisis Di Peringkat Sebenar
- D Data Analisis Demografik
- E Data Analisi Diskriptif
- F Borang Soal Selidik



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pemeriksaan Bahasa Inggeris dan memartabatkan Bahasa Melayu telah diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2011 dengan dasar “Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasakan Bahasa Inggeris (MBMMBI) bertujuan untuk meletakkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia. Bahasa Inggeris pula diperkukuhkan dengan memantapkan penggunaannya sebagai bahasa wajib dipelajari, bahasa komunikasi dan bahasa ilmu di peringkat nasional dan antarabangsa (KPM, 2012).

Rasional daripada kewujudan MBMMBI ini adalah untuk kesan daripada bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pengajaran Sains dan Matematik di sekolah rendah dan menengah mengahakis kepentingan bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu dalam bidang tersebut. Ini berikutan penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar telah mantap bagi semua mata pelajaran yang dimulakan sejak tahun 1970an. Selain itu, kebanyakan negara di dunia berusaha keras untuk memartabatkan bahasa kebangsaan mereka masing-masing sebagai bahasa ilmu. Pelaksanaan dasar MBMMBI ini bermula dengan Tahun Satu, Tahun Empat, Tingkatan Satu dan Tingkatan Empat. Pada masa yang sama Bahasa Cina digunakan di SJKC dan Bahasa Tamil di SJKT.



Namun begitu, perubahan ini tidak melibatkan Tingkatan Enam dan Matrikulasi (Moe, 2012).

Pada era globalisasi ini, guru bukan sahaja dituntut untuk menggunakan kecekapannya sebagai tenaga pengajar dan pendidik untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar malahan dengan meningkatkan pengetahuan, sikap dan keterampilan, guru mampu mencerdaskan pemikiran anak-anak didiknya dengan maklumat terkini dalam memenuhi keperluan semasa (Zamri, Rahimi, & Juliawati, 2009). Ramai guru menghadapi masalah dalam menyajikan teknik pengajaran dan pembelajaran yang menarik untuk anak-anak muridnya (Yahaya, 2010). Semua cabaran ini berkisar dan berhubung mengenai kompetensi guru. Di sini guru pakar memainkan peranan untuk dijadikan sebagai contoh yang akan menjadi sumber inspirasi dan motivasi kepada guru lain untuk sama-sama bersaing meningkatkan lagi tahap pencapaian kualiti pengajaran dan pemudahcara (PdPc) di sekolah masing-masing (KPM, 2012). Kewujudan guru pakar diharapkan dapat menjadi pemangkin bagi sesebuah sekolah untuk meningkatkan prestasi akademik yang lebih cemerlang dan gemilang. Guru pakar sangat bermotivasi tinggi, mahir, berpengalaman dan pakar dalam sesuatu bidang tertentu dan dikekalkan untuk mengajar di sekolah bagi memperkasakan lagi proses pengajaran dan pemudahcara (PdPc)(KPM, 2012).

Jika dilihat kepada keperluan dasar MBMMBI, penekanan terhadap Bahasa Inggeris tidak pernah diambil mudah oleh pihak kerajaan. Bahasa Inggeris diharapkan dapat digunakan dalam pelbagai keperluan termasuklah kesusasteraan, komunikasi dan penyelidikan. Guru-guru telah cuba dilengkapi dengan pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas bagi memastikan objektif dasar ini akan tercapai



(KPM, 2012). Salah satu daripada alat bahan bantu yang dikenali ialah *Digital Storytelling* (DST) atau penceritaan digital. Cerita merupakan elemen utama dalam pemikiran dan komunikasi manusia. Menurut Teehan (2006), penceritaan digital merupakan penceritaan yang dilakukan secara tradisional sebagaimana generasi sebelumnya dengan menggunakan teknologi terkini. Menurut Robin (2008) pula, penceritaan digital ialah idea yang menggabungkan seni bercerita dengan pelbagai jenis multimedia seperti imej, video dan audio. Reaksi terhadap penceritaan digital ini berbeza-beza terhadap murid bergantung kepada kesesuaian.

Pada masa kini, jurang penguasaan Bahasa Inggeris murid luar bandar dan bandar masih lagi luas walaupun pengurangannya tetap ada namun sedikit (Siti Stapa, Bakar, & Latiff, 2007). Penilaian berterusan perlu bagi memastikan melaksanakan kurikulum persekolahan baharu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai 2014 dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada 2017 dapat melonjak sistem pendidikan negara (KPM, 2012). Terdapat beberapa Model Penilaian yang boleh digunakan seperti Model Penilaian Kirkpatrick, Model Tyler dan Model Penilaian Responsif Robert Stakes. Kesemua model ini merupakan suatu gambaran konseptual tentang aktiviti yang dapat menunjukkan perkaitan antara berbagai elemen atau pemboleh ubah yang terlibat di dalam aktiviti tersebut. Dengan adanya model, penilaian ke atas program dapat dijalankan dengan lebih teratur dan bermakna. Model penilaian Kirkpatrick adalah merupakan antara model penilaian terawal dan antara model yang sering digunakan oleh penyelidik lain dalam membuat penilaian. Penilaian yang telah menggunakan model penilaian ini telah memberi pelbagai sumbangan yang bernilai dalam penilaian program, model ini juga telah dibuktikan keberhasilannya





secara empirikal dalam penilaian ke atas kesan latihan organisasi sejak dari tahun 1959 dan relevan hingga kini (Rozimah, 2011).

Pelaksanaan kurikulum baharu ini akan melalui tiga fasa iaitu gelombang satu (2012-2015) iaitu fasa persediaan, gelombang kedua (2016-2025) iaitu fasa pelaksanaan dan gelombang ketiga (2021-2025) iaitu fasa pentaksiran (KPM, 2012). Kurikulum ini dirancang berdasarkan tanda aras antarabangsa bagi memastikan murid dan pelajar yang dilahirkan oleh sistem persekolahan di negara ini memiliki kemahiran yang diperlukan untuk bersaing di peringkat global. Ia merangkumi dimensi intelek, emosi, dan fizikal setiap pelajar serta menekankan aplikasi pengetahuan serta perkembangan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif selain memberi peluang melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan kurikulum.



pengajaran dan pembelajaran (P&P), perubahan sukatan semua matapelajaran dan mengurangkan fokus peperiksaan. Konsep transformasi kurikulum sekolah menengah ini adalah berasaskan prinsip KBSM yang sedia ada iaitu kesinambungan pendidikan rendah dan menengah, kesepaduan antara unsur jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI), pendidikan umum untuk semua murid, penggunaan ilmu disiplin yang ada, penekanan nilai-nilai murni dan peluasan peningkatan penggunaan Bahasa Malaysia. Perubahan ini melibatkan reka bentuk kurikulum, organisasi kurikulum, kandungan kurikulum dan penekanan kepada kemahiran abad ke-21 (KPM, 2012). Menerusi tunjang kelima dalam sains dan teknologi, guru-guru diberi peluang untuk mempelbagaikan lagi kaedah pengajaran mereka manakala pelajar berpeluang mendapat input pembelajaran yang ampuh dan berkesan (KPM, 2012). Proses transformasi ini memberi impak yang efektif terhadap proses pembelajaran pelajar di





sekolah menengah. Pendekatan kerajaan yang sedaya upaya melengkapkan setiap sekolah di negara ini dengan peralatan berteknologi tinggi dilihat sebagai satu usaha untuk membantu guru menggunakan kemudahan yang disediakan sebaik mungkin untuk proses pengajaran dan pembelajaran (KPM, 2012). Guru-guru wajar mengambil peluang ini untuk mempelbagaikan lagi kaedah penyampaian pengajaran. Kepelbagaian penyampaian ini memerlukan kandungan pembelajaran yang jitu dan memenuhi kriteria teori pembelajaran dengan kaedah yang lebih menarik dan kreatif.

Perkembangan teknologi adalah selaras dengan kemajuan dunia dalam dalam merekabentuk inovasi perkakasan dan perisian agar dapat digunapakai oleh semua golongan dalam pelbagai bidang termasuklah pendidikan. Pelan Pembangunan Pendidikan mengambil pendekatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam mewujudkan pendidikan seimbang ke atas pencapaian aspirasi setiap murid. Peningkatan proses sistem pendidikan berprestasi tinggi negara dijadikan refleksi bagi mengenal pasti kemahiran khusus yang boleh diterapkan kepada murid bagi membolehkan mereka menerajui pembangunan ekonomi global (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Wawasan 2020 yang dilancarkan pada 28 Februari 1991 juga meletakkan harapan dan cabaran menjadikan Malaysia sebuah masyarakat yang saintifik dan progresif pada tahun 2020 ke arah membangunkan negara maju menerusi pembentukan rakyat minda kelas pertama bagi mewujudkan lebih ramai saintis, jurutera, ahli farmasi, arkitek, akauntan, perancang bandar, doktor, pensyarah dan juruteknik yang berkepakaran tinggi untuk membangunkan pelbagai sektor ekonomi dan sosial di negara ini. Perubahan tingkahlaku atau perlakuan terhadap sesuatu kaedah penyampaian yang berlainan boleh menghasilkan hasil yang lebih menarik dan kreatif. Hasrat kerajaan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPM 2013-2025) adalah untuk melahirkan rakyat yang berdaya saing dan berpendidikan tinggi. Ianya





menyediakan perancangan teliti bagi mencapai matlamat pendidikan negara yang dinamik (KPM, 2012). Justeru, adalah kritikal kajian ini dijalankan untuk melihat kesahan dan kebolehpercayaan instrumen penilaian penceritaan digital menggunakan pendekatan Model Penilaian Kirkpatrick.

1.2 Latar Belakang Kajian

Berdasarkan pengalaman penyelidik sebagai seorang guru, di dapati sebahagian murid sangat meminati aktiviti yang melibatkan penggunaan komputer. Menurut John Hatie (2010) telah merumuskan hampir 800 meta-analisis yang berkaitan dengan pencapaian pelajar. Menurut beliau, *“computers can increase the probability of learning, but there is no necessary relations between having computers, using computers, and learning outcomes”*. Dari dapatan Hattie ini, ianya menarik untuk penyelidik menilai lebih lanjut tentang penghasilan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen penilaian penceritaan digital menggunakan pendekatan Model Penilaian Kirkpatrick yang berkualiti dari sudut pandang guru-guru yang pakar baik dari segi pengetahuan, pengalaman dan kesesuaiannya. Setakat ini, tidak banyak kajian penilaian di peringkat kementerian mahupun nasional telah dijalankan ke atas kesahan dan kebolehpercayaan instrument dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua. Meyedari kepentingan guru memahami dan bersedia melakukan perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan pembelajaran abad ke-21, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan inisiatif pembelajaran abad ke-21 secara rintis pada tahun 2014 dan meluaskan pelaksanaan keseluruh negara mulai tahun 2015. Semua pihak yang terlibat secara langsung dengan dunia pendidikan perlu menyedari bahawa tiada ruang untuk tidak ikut sama melaksanakan transformasi pendidikan. Malah perubahan dalam pendidikan perlu sentiasa seiring perkembangan zaman atau selangkah ke hadapan.





Guru-guru perlu bersedia menerima perubahan dan dapat pula mengurus perubahan dengan cekap dan berkesan agar pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih segar dan memenuhi keperluan murid. Di antara perubahan yang boleh dilakukan adalah dengan melalui penggunaan penceritaan digital yang berkualiti. Penceritaan digital memberi satu dimensi baru dalam menyampaikan informasi dengan lebih berkesan terutamanya kini banyak diaplikasikan dalam bidang pendidikan. Bukan sahaja dalam bidang bahasa, malah menyeluruh kepada bidang-bidang lain seperti sastera, sejarah, geografi dan sebagainya. Penceritaan digital bukanlah satu idea yang baru. Joe Lambert dan mendiang Dana Atchley telah membantu untuk mencipta program penceritaan digital pada lewat tahun 1980 sebagai penubuh bersama *Center for Digital Storytelling* (CDS), sebuah badan komuniti seni tanpa profit di Berkeley, California. (Reinders, 2011). Schank (1999) dalam Rafiza (2013) menyatakan penceritaan digital merupakan penyampaian cerita menerusi peralatan komputer dan teknologi multimedia.

Penyelidik percaya kajian yang dijalankan di dalam negara sendiri lebih meyakinkan walaupun aspek-aspek pembelajaran ini dianggap universal. Penyelidikan di negara sendiri dan menggunakan sampel-sampel yang asli adalah lebih meyakinkan dan telus untuk dijadikan panduan di masa hadapan. Kajian lepas yang dilakukan oleh Noor Fatasya (2012), memberi dapatan kesesuaian rekabentuk dan penerimaan koswer penceritaan digital untuk dijadikan bahan bantu mengajar dapat menyumbang ke arah peningkatan pencapaian dan motivasi pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. Dapatan kajian oleh Amjad Anas (2015) pula memperlihatkan penceritaan digital sebagai bahan yang berpotensi untuk menarik minat pelajar untuk mempelajari Bahasa Inggeris di sekolah rendah. Kajian-kajian yang telah dilaksanakan di luar negara juga kebanyakannya melibatkan penggunaan penceritaan digital dalam pengajaran dan





pembelajaran adalah secara umum tanpa mengaitkan dengan subjek subjek khusus. Penceritaan digital yang berkualiti dan memenuhi kriteria dalam pengajaran dan pembelajaran adalah amat penting dan penyelidik mengharapakan kajian ini dapat menyumbangkan penceritaan digital yang berkualiti kepada guru, seterusnya juga dapat belajar dari refleksi yang disampaikan oleh mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Penguasaan bahasa seseorang murid bergantung kepada aspek mendengar, membaca, menulis dan bertutur (Radha Nambiar, Noraini Ibrahim dan Pramela, 2008). Kemahiran-kemahiran ini merupakan empat kemahiran asas yang tidak boleh kurang dalam pembelajaran. Sebagaimana yang kita tahu apabila sesuatu pengajaran dijalankan maka murid akan memberi perhatian dengan mendengar apa yang diajar oleh guru. Serentak dengan itu, mereka akan mencatatkan perkara penting dalam pengajaran tersebut. Apabila terdapat soalan atau tempat yang tidak faham atau kurang faham, mereka akan bertanya dengan bertutur kepada guru. Selepas sesuatu pengajaran biasanya guru akan meminta murid membaca atau dipanggil membuat ulang kaji di rumah sebelum kelas seterusnya diadakan. Inilah merupakan perkaitan di antara empat kemahiran ini yang biasa digunakan dalam pembelajaran. Jika kita mendengar sahaja, kita akan lupa dengan cepat berbanding kita mencatat sambil mendengar (Ab. Rahim, 2000).

Penyataan di atas turut disokong oleh Marhaini Kamaruddin dan Amree Ahmad (2002) yang menyatakan bahawa kelemahan pelajar melayu terletak pada masalah penggunaan dan penguasaan Bahasa Inggeris untuk pertuturan atau komunikasi. Daripada semua aspek inilah dapat diketahui penguasaan mereka terhadap kemahiran





berkomunikasi di dalam Bahasa Inggeris. Ini sekaligus akan menjadikan sesi pengajaran dan pemudahcara menjadi lebih berkesan. Menurut P.Ramanathan (Utusan Malaysia, Rabu, 19 Jun 2002), guru perlu memberi penjelasan dan penerangan tentang sesuatu topik dengan terperinci dan jika guru tidak mahir Bahasa Inggeris maka proses pengajaran dan pembelajaran di kelas akan terjejas. Masalah itu juga akan menjejaskan proses penyampaian ilmu kepada pelajar sekali gus menjejaskan proses pemahaman pelajar terhadap sesuatu topik. Tahap penguasaan pelajar dalam sesuatu bahasa selalunya diukur dengan kebolehan mendengar, bertutur, membaca dan menulis (KPM, 2012). Walau bagaimanapun, penilaian yang dibuat di peringkat sekolah dan peringkat kebangsaan mendapati peratusan penilaian lebih menjurus kepada pembacaan dan penyelidikan. Kebanyakan guru menghadapi masalah untuk mengaplikasikan keempatempat kemahiran tersebut ketika mengajar subjek Bahasa Inggeris (Hiew, 2012) seterusnya menggunakannya di dalam *Contemporary Literature in English*. Untuk *Contemporary Literature in English*, beberapa buku cerita telah disediakan sesuai dengan tahap pembacaan pelajar ini mengikut tingkatan mereka. Bagi pelajar Tingkatan Satu, Dua dan Tiga, antara buku-buku yang disediakan termasuklah, *Poem : Sad I Ams*, *Poem : Newsbreak* dan *Short Story : Fair's Fair*. Pelajar Tingkatan Empat dan Lima pula, buku-bukunya terdiri daripada *Drama : The Right Thing To Do*, *Poem : The living Photograph*, *Poem: Charge Of The Light Brigade*, *Short Story: Leaving* dan *Short Story : Tanjung Rhu*.

Penggunaan video mempertingkatkan komunikasi yang lebih baik ke atas bahan (Whatley & Ahmad, 2007). Merujuk kepada teori pembelajaran “*cue-summation*”, pertambahan bilangan rangsangan menjadikan pembelajaran individu lebih efektif





(Barron & Kysilka, 1993). Berbantuan maklumat visual sebagai saluran tambahan, ianya mampu untuk mengekalkan maklumat lisan (Mayer & Anderson, 1991).

Berk (2009), dalam kajiannya mencadangkan setiap kursus dalam fakulti menggunakan klip video sebagai alat pengajaran supaya pelajar mereka boleh merasai pengalaman kognitif yang luar biasa dan kesan terhadap emosi semasa proses pembelajaran berlangsung. Dalam dunia sains dan teknologi masa kini, bahan pembelajaran bukan sahaja terhad kepada buku teks dan alat tulis serta pengajaran secara tradisional semata-mata malah meliputi bahan bantu mengajar (BBM) berasaskan teknologi maklumat seperti komputer, internet, LCD, CD Rom, kamera digital dan sebagainya (Norhayati, 2011). Norhayati (2011) juga menegaskan teknologi komputer, komunikasi dan teknologi maklumat merupakan suatu yang amat diminati dan menarik perhatian generasi muda sekarang ini kerana bagi mereka kandungan yang dipaparkan dalam perisian komputer merupakan suatu yang logik dan ilmiah serta sesuai dengan zaman sekarang. Dengan ini, jika guru Bahasa Inggeris berkebolehan dalam mengendalikan teknologi dalam proses pengajaran mereka, murid akan merasa kagum seterusnya meminati pelajaran Bahasa Inggeris dan secara tidak langsung mereka dapat menguasai bahasa tersebut dengan baik. . Ini bertepatan dengan pandangan Norhayati (2008) yang menyatakan kehebatan ‘karamah’ seorang guru pada hari ini sangat bergantung kepada penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Guru ini jika diberi peluang boleh menjadi guru pakar dan dapat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih jitu.

Media sosial merupakan platform yang kerap digunakan kerana mesra pengguna (Hudson et al. 2014). Berikut merupakan fungsi-fungsi media sosial menurut Ziani (2014) iaitu sebagai berikut:



- i. Media sosial digunakan sebagai alat untuk membantu: seperti komunikasi dengan orang ramai, rakan, mahupun membantu dalam berkomunikasi dengan ahli-ahli dalam kumpulan.
- ii. Media sosial digunakan sebagai medium untuk pemindahan maklumat: Ini bermakna pengambilan media sosial sebagai satu usaha untuk menyambung ideaidea.
- iii. Media sosial digunakan untuk mendapatkan matlamat: Ini bermakna untuk memperoleh apa yang di inginkan.

Kajian Porter & Hellsten (2014) menyatakan jumlah tontonan yang tinggi dan komen yang banyak daripada pengguna Youtube memberikan kesan serta pengaruh yang besar terhadap hasil video yang dimuat naik. Justeru, penyelidik menggunakan dapatan kajian ini untuk memilih video penceritaan digital Bahasa Inggeris mengenai sajak *Sad I Ams* Tingkatan 1 melalui aplikasi Youtube berdasarkan tontonan tertinggi. Proses pemilihan video pula bagi penilaian menggunakan Model Penilaian Kirkpatrick dilaksanakan dengan menggunakan rubrik penilaian video penceritaan digital dalam kajian Rafiza (2013). Kategori komponen yang dinilai adalah tema dan persoalan, watak dan perwatakan, latar, nilai dan pengajaran, gaya bahasa, plot, bahasa, audio dan grafik. Video penceritaan digital yang dipilih telah dinilai oleh pakar multimedia, Dr. Mohd Helmy bin Ab Wahab, Pensyarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan Komputer, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Permasalahan timbul apabila terdapat banyak penceritaan digital di media namun tiada satu instrumen yang khas untuk mengesahkan serta menguji kebolehpercayaan item bagi penceritaan digital. Lantaran masih belum terdapat sebarang instrumen yang digunakan untuk mengukur penceritaan digital yang

berkualiti, maka pembangunan instrumen IPPD membantu para guru dan individu tertentu untuk menilai kualiti kandungan bahan penceritaan digital dengan lebih komprehensif dan praktikal dalam segenap aspek bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Instrumen ini dibangunkan menggunakan pendekatan Model Penilaian Kirkpatrick yang bertunjangkan kepada dua konstruk utama iaitu Reaksi dan Pembelajaran. Selanjutnya penyelidik juga berharap agar pembinaan instrumen ini juga dapat melancarkan lagi proses saringan penceritaan digital dengan lebih telus dan adil daripada segenap aspek.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan pembinaan bagi Instrumen Penilaian Penceritaan Digital (IPPD). IPPD dibangunkan untuk membantu para guru dan individu tertentu untuk menilai kualiti kandungan bahan penceritaan digital dengan lebih komprehensif dan praktikal dalam segenap aspek bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Instrumen ini dibangunkan menggunakan pendekatan Model Penilaian Kirkpatrick yang bertunjangkan kepada dua konstruk utama iaitu Reaksi dan Pembelajaran. Dalam kajian ini, penyelidik akan membina instrumen saringan IPPD bagi menilai kualiti kandungan bahan penceritaan digital dengan lebih komprehensif dan praktikal berpandukan objektif-objektif yang berikut:

- i. Mengenal pasti tahap reaksi guru pakar Bahasa Inggeris terhadap instrumen IPPD yang dibangunkan menggunakan pendekatan Model Penilaian Kirkpatrick.
- ii. Mengukur tahap pembelajaran guru pakar Bahasa Inggeris terhadap instrumen IPPD yang dibangunkan menggunakan pendekatan Model Penilaian Kirkpatrick.

1.5 Persoalan Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk mendapatkan jawapan terhadap beberapa persoalan kajian yang telah dibentuk. Bagi mencapai objektif kajian yang pertama iaitu untuk mengenal pasti tahap reaksi guru pakar Bahasa Inggeris terhadap instrumen IPPD yang dibangunkan menggunakan pendekatan Model Penilaian Kirkpatrick, maka persoalan kajian yang perlu dijawab ialah:

- i. Apakah tahap reaksi guru pakar Bahasa Inggeris terhadap instrumen IPPD yang dibangunkan menggunakan pendekatan Model Penilaian Kirkpatrick?

Objektif kajian yang seterusnya adalah untuk mengenal pasti tahap pembelajaran guru pakar Bahasa Inggeris terhadap instrument IPPD yang dibangunkan menggunakan pendekatan Model Penilaian Kirkpatrick. Persoalan yang perlu dijawab bagi objektif kedua kajian ini adalah:

- i. Apakah tahap pembelajaran guru pakar Bahasa Inggeris terhadap instrumen IPPD yang dibangunkan menggunakan pendekatan Model Penilaian Kirkpatrick?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilaksanakan ini adalah satu usaha yang penting kerana ia dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang kesahan dan kebolehpercayaan pembinaan bagi Instrumen Penilaian Penceritaan Digital (IPPD). Hasil dapatan ini akan dapat membantu pihak yang berkepentingan dalam melaksanakan penambahbaikan dalam aspek pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Bahasa Inggeris selaras dengan Standard 4 di dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2).

Hasil kajian ini dapat memberi gambaran sebenar sama ada instrumen IPPD mampu memberi nilai tambah ke atas pembelajaran murid seterusnya pemahaman yang lebih berkesan. Hasil kajian ini memberi kepentingan kepada:

- i. Kajian yang dilaksanakan ini, diharap dapat membantu dan memberi manfaat kepada pihak sekolah khususnya kerana daripada penggunaan instrumen IPPD ini mampu memberi kesan kepada murid dan melonjakkan pengetahuan guru dari segi pengetahuan dan kemahiran.
- ii. Kajian juga diharap dapat memberi pendedahan kepada penyelidik sendiri berkaitan penggunaan instrumen IPPD ini dengan lebih jelas, di samping itu juga penyelidik akan dapat memperolehi pelbagai maklumat yang berkaitan dan juga kekangan yang dihadapi oleh pihak sekolah dalam meneliti tahap penguasaan Bahasa Inggeris murid.
- iii. Dapatan ini juga diharap dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memastikan penggunaan ICT melalui instrumen IPPD memenuhi 2 daripada 6 ciri utama murid untuk bersaing di peringkat global iaitu kemahiran berfikir dan berpengetahuan sekali gus mempertingkatkan kualiti guru dan merapatkan jurang pendidikan bersesuaian dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) iaitu dalam anjakan empat Transformasi Keguruan Sebagai Profesion Pilihan.
- iv. Kajian ini juga adalah suatu yang penting yang boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dan panduan kepada penyelidik lain dalam membuat kajian lanjutan tentang penggunaan instrumen IPPD bagi subjek atau lokaliti yang lain.



Kesimpulannya, usaha murni ini dapat memberi sumbangan idea, informasi dan gambaran yang lebih jelas kepada semua pihak yang berkepentingan secara langsung dan tidak langsung. Seterusnya, kajian ini diharap dapat mengubah paradigma terhadap penggunaan ICT melalui instrumen IPPD ini terhadap murid dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada kesahan dan kebolehpercayaan pembinaan Instrumen Penilaian Penceritaan Digital (IPPD) menggunakan pendekatan Model Penilaian Kirkpatrick sahaja. Dua konstruk sahaja di dalam Model Penilaian Kirkpatrick yang diuji iaitu Tahap Reaksi dan Tahap Pembelajaran. Penumpuan utama diberikan terhadap tahap reaksi dan pembelajaran guru pakar Bahasa Inggeris dalam menggunakan instrumen IPPD ini bagi menentukan penceritaan digital yang terbaik untuk kegunaan murid. Oleh yang demikian, hasil kesahan dan kebolehpercayaan instrumen ini tidak boleh digeneralisasikan untuk mengukur kesahan dan kebolehpercayaan instrumen menggunakan pendekatan model yang lain.

Kajian ini juga hanya terhad kepada dua objektif kajian seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Sampel kajian pula hanya melibatkan guru pakar Bahasa Inggeris sekitar daerah Kuantan sahaja kerana mengambil kira faktor bilangan guru pakar di Kuantan memadai untuk mewakili populasi. Menurut Othman Mohamed (2001), saiz sampel yang dipilih hendaklah boleh mewakili dengan baik saiz populasi yang sedang dikaji. Di Pahang, terdapat 196 buah sekolah menengah dan 46 buah darinya adalah berlokasi di daerah Kuantan. 290 orang guru yang mengajar Bahasa Inggeris di Kuantan. Sepanjang kajian ini juga, penyelidik hanya menggunakan




khidmat kepakaran sepenuhnya daripada individu-individu yang berkepakaran tinggi dalam bidang Bahasa Inggeris. Kepakaran bagi setiap pakar yang telah dipilih adalah berpandukan kepada opsyen yang disandang dan tempoh masa berkhidmat melebihi sepuluh tahun dalam bidang perguruan.

1.8 Kerangka Teori dan Konseptual Kajian

Instrumen IPPD telah direka bentuk berlandaskan beberapa teori dan model yang saling berhubung kait dengan penceritaan digital. Bagi mencapai objektif serta menjawab persoalan kajian, penyelidik menjalankan proses penyelidikan ini secara kuantitatif. Ini bermakna penyelidik cuba mengkaji kesesuaian instrument penilaian penceritaan digital bahan bantu mengajar dalam pembelajaran Bahasa Inggeris oleh guru pakar Bahasa Inggeris menggunakan Model Penilaian Kirkpatrick supaya ruang lingkupnya tidak terkeluar dan penggunaan Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer sebagai asas kepada Kerangka Konseptual.

Secara umumnya, Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia (Mayer, 2001) berupaya menjelaskan pemerolehan pembelajaran bermakna dalam persekitaran pembelajaran multimedia. Sehubungan, terdapat beberapa prinsip reka bentuk dan pembangunan multimedia berasaskan teori ini. Implikasi teori ini kepada pemerolehan pembelajaran bermakna ialah dari segi keperluan murid menilai dan memilih imej dan bunyi yang paling relevan. Murid perlu memberi perhatian ke atas pembinaan struktur hubungan yang mudah disebabkan kapasiti ingatan kerja yang terbatas. Proses ini bergantung kepada usaha murid membina rantaian sebab dan akibat di kalangan pengetahuan verbal. Proses ini juga bergantung kepada usaha murid membina rantaian sebab dan akibat di kalangan pengetahuan piktorial. Berdasarkan teori ini, penting


untuk guru mengenalpasti penceritaan digital yang berkualiti dan memenuhi keperluan murid.



Rajah 1.1. Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer (Mayer, 2001)

Model ini telah menyediakan suatu kerangka asas kepada penyelidik untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam dan spesifik dalam usaha untuk mengenal pasti ciri-ciri dan maklumat terperinci mengenai penceritaan digital. Maklumat tersebut sangat penting dalam proses pembinaan item bagi instrumen IPPD

Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memberi tumpuan secara khusus terhadap elemen reaksi dan pembelajaran berdasarkan kepada Model Penilaian Kirkpatrick. Ini kerana model ini dilihat sesuai dan bertepatan dalam menilai penceritaan digital terutamanya dalam subjek Bahasa Inggeris. Abdul Aziz (2003), Chan (2003) dan Reeves (1994) menyatakan bahawa Model Penilaian Kirkpatrick merupakan model yang paling banyak digunakan untuk mengklasifikasikan penilaian.



Rajah 1.2. Kerangka Teori Kajian bagi Pembangunan Instrumen Penilaian Penceritaan Digital IPPD

1.9 Definisi Istilah dan Operasional

Terdapat pelbagai istilah yang telah diguna pakai di dalam kajian ini. Bagi memberikan maksud dan pengertian yang terperinci bagi setiap istilah tersebut yang berkaitan dengan tujuan kajian ini dijalankan, maka di bawah ini dijelaskan beberapa definisi terminologi penting yang terdapat dalam kajian ini.

1.9.1 Penilaian

Perkataan penilaian di dalam konteks ini merujuk kepada sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran (P&P), bukannya semata-mata dijalankan melalui ujian dan peperiksaan sahaja. Ia merupakan satu proses pengumpulan maklumat berkenaan dengan kemajuan dan prestasi murid. Dengan itu, di peringkat sekolah berbagai-bagai kaedah penilaian digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang kemajuan dan pencapaian pelajar. Penilaian merupakan satu proses untuk memperolehi maklumat kuantitatif. Ia adalah satu proses bagi guru untuk menentukan perubahan tingkah laku dan membuat pertimbangan menilai.

1.9.2 Penceritaan Digital

Penceritaan digital merupakan penyampaian cerita menerusi peralatan komputer dan teknologi multimedia. Penceritaan digital dalam konteks ini merujuk kepada sebuah video penceritaan yang diadaptasi daripada sebuah sajak yang bertajuk *Sad I Ams yang* digunakan oleh pelajar Tingkatan 1.



1.9.3 Tahap Reaksi

Menurut Kirkpatrick (1975, 1994, 1996, 2000), penilaian reaksi biasanya diukur dengan mentadbirkan soal selidik di akhir program latihan. Penilaian reaksi ini juga dikenali sebagai penilaian kepuasan pelanggan kerana peringkat ini mengukur persepsi peserta terhadap program latihan yang telah dihadiri. Soalan-soalan yang sering ditanya adalah seperti teknik penyampaian pengajar, kesesuaian topik kursus, persepsi peserta terhadap nilai modul latihan, kesepadanan kandungan kursus dengan tugas dan kemungkinan menggunakan kemahiran baru apabila balik ke tempat bertugas. Penilaian reaksi penting kerana membekalkan maklum balas yang bermakna untuk membantu kita menilai program latihan dan juga membekalkan komen serta cadangan penambahbaikan program latihan pada masa hadapan. Pada dasarnya, reaksi adalah pengukuran yang melihat bagaimana pandangan pelatih terhadap latihan (Abdul Manan, 2013). Namun, di dalam kajian ini ianya bertujuan untuk mengukur atau menilai instrumen bagaimana reaksi guru pakar terhadap penceritaan digital yang dipilih berdasarkan kesepadanan kandungan, skrip, visual dan audio.

1.9.4 Tahap Pembelajaran

Penilaian pembelajaran pula akan mengukur perubahan sikap, penambahan pengetahuan dan penambahan kemahiran selepas program latihan (Kirkpatrick 1994). Bagi Jarvis (1996), pengetahuan boleh dilihat sebagai satu peringkat kesedaran atau perhubungan yang rapat dengan sesuatu yang memberi keuntungan melalui pengalaman, pembelajaran atau pemikiran. Manakala Mohd. Azhar et al. (2005) mentakrifkan pengetahuan sebagai peringkat kesedaran dalam bentuk kebenaran, prinsip dan maklumat. Pengetahuan berasal daripada pengalaman lampau dan





pengalaman baru sama ada diketahui sendiri ataupun melalui sumber lain dan digunakan bagi mencapai matlamat yang belum terlaksana. Tahap pembelajaran adalah pengukuran yang melihat bagaimana pandangan pelatih terhadap latihan. Di dalam kajian ini, penyelidik ingin menilai pandangan guru pakar terhadap penceritaan digital yang dipilih berdasarkan pengetahuan, kemahiran dan sikap.

1.9.5 Instrumen Penilaian Penceritaan Digital

Instrumen penilaian penceritaan digital adalah sejenis ujian kuantitatif yang bertujuan untuk mengukur secara menyeluruh terhadap tahap reaksi dan pembelajaran guru pakar terhadap penceritaan digital subjek Bahasa Inggeris. Tahap reaksi dipecahkan kepada kesepadanan kandungan, skrip, visual dan audio. Tahap pembelajaran pula dikategorikan kepada pengetahuan, kemahiran dan sikap. Ia adalah satu instrumen pengukuran alternatif yang mampu meramal penceritaan digital yang berkualiti khususnya bagi subjek Bahasa Inggeris.

1.9.6 Pembelajaran Bahasa Inggeris

Apabila membincangkan mengenai bahasa kedua ataupun bahasa asing ini, pemerolehan bahasa berlaku secara formal, dan memerlukan kepada pembelajaran. Akan tetapi, seseorang individu itu juga memperolehi bahasa kedua secara tidak sedar. Terdapat perbezaan utama di antara pemerolehan dan pembelajaran. Pembelajaran Bahasa Inggeris merujuk kepada proses seseorang itu belajar dan menyimpan maklumat bahasa tersebut. Dalam kajian ini, pembelajaran Bahasa Inggeris turut sama merujuk kepada sejauh mana pendekatan penceritaan digital merangsang pembelajaran murid untuk mata pelajaran Bahasa Inggeris.





1.9.7 Guru Pakar

Pelaksanaan konsep Guru Pakar bertujuan untuk menjadikan guru-guru yang dilantik sebagai *role model* yang akan menjadi sumber inspirasi dan motivasi kepada guru lain untuk sama-sama bersaing meningkatkan lagi tahap pencapaian kualiti P&P di sekolah masing-masing. Kewujudan guru pakar diharapkan dapat menjadi pemangkin bagi sesebuah sekolah untuk meningkatkan prestasi akademik yang lebih cemerlang dan gemilang.

Guru pakar ini merupakan mereka yang bermotivasi tinggi, mahir, berpengalaman dan pakar dalam sesuatu bidang tertentu dan dapat terus dikekalkan untuk mengajar di sekolah bagi memperkasakan lagi proses pengajaran dan pemudahcara (PdPc).



1.10 Rumusan

Dalam bab 1 ini, penyelidik telah membincangkan tentang latar belakang kajian mengenai proses penilaian penceritaan digital. Kajian mengenai proses saringan dan pemilihan penceritaan digital yang berkualiti terutamanya untuk subjek Bahasa Inggeris secara keseluruhannya masih kurang di Malaysia. Namun dapatan-dapatan kajian terdahulu mengenai kepentingan penceritaan digital telah banyak memberi sumbangan yang positif kepada kajian ini serta membantu proses pembinaan instrumen IPPD. Berdasarkan penemuan isu-isu dan pernyataan masalah, penyelidik merasakan bahawa kajian ini sangat penting untuk dilaksanakan kerana ia adalah suatu nilai tambah dalam bidang pendidikan khususnya penilaian penceritaan digital Bahasa Inggeris menggunakan pendekatan Model Penilaian Kirkpatrick di Malaysia.

